



Khasiat Hamba Raja

Pokok hamba raja atau *Croton argyratus* ialah sejenis tumbuhan herba yang berasal daripada keluarga Euphorbiaceae. Tumbuhan yang bersaiz sederhana ini mudah ditemukan di hutan primer di sekitar Malaysia, Myanmar dan Indonesia. Selain dikenali sebagai hamba raja, tumbuhan ini juga dikenali sebagai cheret budak, semelit bayor dan Silver Croton kerana warna permukaan daunnya seakan-akan putih dan perang keperak-perakan.

Pokok hamba raja terbina daripada batang kayu yang berat dan kuat. Oleh sebab itu, pokok ini digunakan sebagai tiang dalam pembinaan rumah. Selain itu, biji pokok hamba raja dapat menghasilkan minyak kroton atau resin kroton. Walaupun maklumat tentang kegunaan tumbuhan ini sebagai tumbuhan ubatan terhad, tumbuhan ini diketahui digunakan oleh beberapa generasi terdahulu bagi mengubati pelbagai penyakit.

Secara tradisionalnya, rebusan daun pokok hamba raja digunakan

bagi merawat cirir-birit, ulser dan demam. Rasa daun hamba raja pedas, jika dimamah. Daun hamba raja digunakan sebagai mandian herba bagi wanita selepas bersalin. Di Kelantan, ada pengamal perubatan yang menggunakan daun pokok ini sebagai ubat sakit urat bagi kaum lelaki.

Selain itu, daun pokok hamba raja dijadikan teh herba. Akar pokok hamba raja digunakan bagi merawat ulser. Pengamal perubatan tradisional menyatakan bahawa ekstrak tumbuhan



Bahagian hadapan dan belakang daun pokok hamba raja.







Pokok hamba raja.



Minyak kroton dihasilkan daripada pokok hamba raja.

ini dapat digunakan sebagai ubat penahanan sakit.

Dalam kajian saintifik pula, pokok hamba raja mempunyai kesan antikanser. Ekstrak daun, batang dan akar pokok hamba raja menunjukkan kesan sitotoksik terhadap sel terbitan Lu1 dengan nilai IC_{50} kurang daripada lima $\mu\text{g/mL}$. Kajian yang dilakukan oleh Horgen dan rakan diterbitkan dalam jurnal dengan tajuk Saringan Biologi Hutan Hujan Pokok Plot dari Pulau Palawan (Filipina) pada tahun 2001.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Noor Raini dan rakan membuktikan bahawa pokok hamba raja mempunyai aktiviti antiplasmoidal yang baik. Daun pokok hamba raja juga mempunyai kesan yang baik terhadap aktiviti enzim glutation-S-transferase (GST). Kajian ini diterbitkan dalam jurnal dengan tajuk Kesan Perencatan Tumbuhan Herba Malaysia Terpilih pada Aktiviti Glutation-S-transferase.

Kajian membuktikan bahawa pokok hamba raja mempunyai nilai dalam aktiviti antioksidan dan ekstrak ini berupaya dikomersialkan dan mampu bersaing dengan antioksidan sintetik.

Daun, batang dan akar pokok hamba raja pula menunjukkan aktiviti antioksidan. Hasil kajian sekumpulan penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) yang bertajuk Penyaringan Fitokimia, Antioksidan dan Aktiviti Analgesik Ekstrak Etanol *Croton argyraeus* pada tahun 2012 mendapati bahawa ekstrak etanol daun pokok hamba raja menunjukkan aktiviti antioksidan yang tinggi berbanding dengan ekstrak batang dan akarnya. Kajian ini membuktikan bahawa pokok hamba raja mempunyai nilai dalam aktiviti antioksidan dan ekstrak ini berupaya dikomersialkan dan mampu bersaing dengan antioksidan sintetik.

Dalam kajian yang sama, ekstrak daun pokok hamba raja menunjukkan aktiviti analgesik yang baik dan berpotensi dijadikan ubat tahan sakit. Aktiviti ini membuktikan bahawa penggunaan daun pokok hamba raja dalam perubatan tradisional dapat melegakan demam.

Walaupun jarang-jarang didengari, tumbuhan ini ternyata mempunyai khasiat yang tersendiri dan sesuai digunakan sebagai herba tradisional. Hakikatnya, masih banyak khasiat tumbuhan ini yang belum diketahui. Oleh sebab itu, kajian selanjutnya mesti dilakukan agar khasiat pokok hamba raja diketahui. ☒

BIL. 3/2015 DEWAN KOSMIK 27